Universiti Teknologi MARA | Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025



# APB REMBAU E-BULLETIN




## EDITORIAL BOARD

PATRON
Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR
Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

CHIEF EDITOR
Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE
Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin


e-ISSN: 2682-776X

**“PHYSICS IN CALCULATOR FX570MS”**

Ditulis oleh: Nor Fadhlin binti Jaafar

Pada 7 Mac 2025, Jabatan Fizik dan Sains Bahan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah telah julung kalinya berjaya menganjurkan program “Physics in Calculator FX570MS” yang disertai oleh 13 orang pensyarah Fizik dari kampus Kuala Pilah, Shah Alam, Perlis, Pulau Pinang dan Pasir Gudang menggunakan medium *Google Meet*.




Gambar 1: Poster program

Sepanjang sesi program, penceramah telah memberikan tips dan tunjuk ajar secara langsung kepada para peserta dari aspek teknik menggunakan fungsi kalkulator FX570MS meliputi topik:

a) **Unit** - penukaran pelbagai unit
b) **Vektor** - operasi penambahan vektor dan magnitud vektor
c) **Hukum Kirchoff** - penyelesaian persamaan serentak bagi arus elektrik
d) **Persamaan linear** - penggunaan fungsi kuadratik bagi menyelesaikan parameter linear.




Gambar 2: Kepelbagaian model kalkulator




Gambar 3: Topik Persamaan Linear

Pelbagai maklumbalas positif telah diberikan oleh peserta antaranya:

- *hands on* bersama penceramah secara fizikal
- boleh dibangunkan ke dalam bentuk modul / manual penggunaan kalkulator dalam topik-topik asas fizik. Sangat membantu untuk kedua-dua pensyarah dan pelajar.

Pihak penganjur berharap agar ilmu kalkulator yang diperolehi dari program ini dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya aspek pengiraan yang rumit kepada pelajar.